

**JADDID HAYATAK: PERBAHARUI HIDUPMU.** Oleh Syeikh Ahmad Al-Ghazali. Iman Publication Seri Kembangan. 2016. Halaman 319. ISBN 978-983-2423-22-5

Buku *Jaddid Hayatak* (Perbaharui Hidupmu) ini mula dicetak pada tahun 2015 dan cetakan kedua pada tahun 2016. Buku ini diterbitkan oleh Iman Publication dan dicetak oleh Mashi Publication Sdn. Bhd dan memegang nombor ISBN 978-983-2423-22-5. Buku ini telah ditulis oleh Syeikh Muhammad Al-Ghazali dan penterjemahan oleh Taufik Damas & M.Zaenal Ariffin. Syeikh Muhammad Al-Ghazali merupakan ulama' dan pemikir Islam. Beliau lahir pada 22 September 1917, merupakan ulama kelahiran negeri Bahira, Mesir . Beliau dibesarkan dalam keluarga yang kuat agama. Syeikh Muhammad Al-Ghazali mendapat pendidikan tinggi di Universiti Al-Azhar dalam Fakulti Usuluddin.

Pada tahun 1937, beliau telah berkecimpung dalam gerakan Ikhwan Muslimin pimpinan Hasan Al-Banna. Sejak dari itu, beliau telah bergiat aktif dalam dakwah dan banyak pemikiran, pengalaman, dan didikan yang diambil dari Hasan Al-Banna. Menurut Yusuf Al-Qardawi, Muhammad Al-Ghazali ketika dalam penjara Tur selalu meniupkan semangat perjuangan dengan mengatakan bahawa kematian Hasan Al-Banna tidak bermakna pertentangan dengan musuh-musuh Allah dan umat Islam telah berakhir. Panji-panji Hasan Al-Banna akan diteruskan oleh murid-muridnya dan dakwahnya tidak akan pernah lenyap.

Beliau merupakan tokoh ulama mujaddid dalam pemikiran Islam masa kini, terdapat dalam diri beliau dan pemikirannya pengetahuan Islam yang menggabungkan nas dan akal disamping ilmu-ilmu semasa. Umar Hashim, Rektor Universiti Al-Azhar menyifatkan al-Ghazali sebagai seorang mujaddid yang mempunyai keistimewaan tersendiri dalam pemikiran ijihadnya. Beliau meminta generasi muda kini mencontohi manhajnya dalam kehidupan mereka. Beliau pernah dilantik menjadi Timbalan Menteri Kementerian Waqaf, Bahagian Dakwah. Beliau juga pernah menjadi imam dan khatib di Masjid Al-Azhar, Masjid Atabah al-Khadra dan Masjid Amru al-'As. Dalam bidang akademik, Muhammad Al-Ghazali pernah bertugas sebagai Professor di Universiti Qatar dan mengetuai Lembaga Akademik Fakulti Pengajian Islam, Universiti Amir Abd al-Qadir di Algeria. Beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar di universiti Ummul Qura, Mekah, Universiti Al-Azhar di Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin.

Beliau telah meninggal dunia di Riyadh pada 9 Mac 1996 selepas diserang sakit jantung dan dimakamkan di perkuburan al-Baqi, Madinah Al-Munawwarah berdekatan dengan makam anak Nabi Muhammad SAW iaitu Ibrahim dan makam imam Malik bin Anas. Allah telah memuliakannya sehingga penggali kubur bertanya siapakah yang dikebumikan di tempat yang mulia ini yang begitu dekat dengan Masjid Rasulullah SAW? Lalu mereka memberitahu bahawa orangnya adalah Muhammad al-Ghazali.

Buku ini mengandungi 26 topik yang mempunyai 319 halaman. Bahasa yang digunakan adalah santai dan mudah difahami. Sesuatu yang menarik pada buku ini adalah tanpa sedar para pembaca boleh membacanya tanpa rasa jemu. Ini kerana pendekatan yang digunakan oleh penulis adalah dialog, seolah-olah penulis sedang berbicara dengan pembaca secara langsung disamping menggunakan analogi yang menarik. Buku ini amat sesuai untuk mereka yang belum mengenal Islam atau yang masih keliru tentangnya untuk melihat salah satu karakteristik Islam,

iaitu Islam adalah agama fitrah. Islam membawa watak yang sesuai dan selari dengan fitrah semulajadi manusia. Jika dilihat dari sudut akal yang waras, hakikatnya pasti setiap manusia walau berlainan agama pasti akan menerima watak pembawakan Islam. Hal ini kerana ajaran Islam meliputi setiap sendi kehidupan yang sangat sepadan dengan tabiat yang murni dan pemikiran yang lurus. Dan hakikat Islam adalah mengarahkan manusia menuju kesempurnaan dan kedamaian jiwa.

Adapun perbincangan karakter Islam di dalam buku ini adalah bersifat umum dan tidak mendalam. Ia lebih membawa pembacanya ke sebuah situasi yang boleh diterima logik akal yang sesuai dengan aras pemikiran masyarakat umum. Sebagai contoh, pengarang mengupas topik “hak kebebasan dalam berfikir”, setiap manusia dituntut untuk mengoptimumkan dan menggunakan seajar dengan sikap bersyukur kepada Allah. Lantaran itu, barangsiapa yang tidak menggunakan ia telah melakukan salah satu bentuk pengingkaran terhadap nikmat Allah. Kebanyakan analogi dan hikmah yang dibawa di dalam buku ini adalah diambil dari buku Dale Carnegie, seorang penulis Amerika yang terkenal dengan ilmu pembangunan manusia. Beliau amat menekankan untuk manusia menggali segala potensi yang dikurniakan Tuhan kerana padanya terdapat hikmah-hikmah berharga. Ini adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh penulis untuk menarik minat masyarakat yang belum mengenal Islam untuk tertarik membaca buku ini.

Pada tajuk pertama, penulis mengajak pembaca untuk perbaharui hidup dengan memahami agama dalam kerangka yang asli. Semestinya melalui jalan taubat kerana ia menjadi peralihan sempurna dari satu kehidupan menuju kehidupan baru. Taubat juga merupakan kemenangan manusia melawan pelbagai kelemahan dan ketidakupayaan. Perkara kedua yang ditekankan oleh penulis ialah perlu tabah menghadapi segala cabaran hidup tanpa toleh ke belakang. Ini kerana lari dari masalah bukan jalan yang selamat. Ketika menghadapi masalah akal dan emosi memainkan peranan untuk menyelesaikan sesuatu masalah sehingga mencapai keberhasilan dan kebahagiaan. Inilah yang ditunjukkan oleh suri tauladan kita Nabi Muhammad s.a.w ketika baginda ditimpa musibah. Sabda baginda yang bermaksud: “ Musibah yang menimpaku menjadi hiburan yang menenangkan kaum muslimin. Sebab mereka tidak akan ditimpa musibah sebesar musibah yang menimpaku”. Seterusnya penulis menekankan kepentingan syukur dan sifat sabar. Ini kerana menikmati hidup dengan penuh kesyukuran merupakan jalan utama untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Namun perlu ditekankan bahawa nikmat itu juga merupakan ujian. Maka kesabaran dan ketabahan itu juga penting.

Penulis buku ini juga menyeimbangkan antara pandangan tokoh Barat iaitu Dale Carnegie (1888) dan sabda nabi s.a.w sebagai pengukuh dalam meningkatkan gaya hidup yang rabbani. Sebagai contoh kata-kata Dale Carnegie “ Realiti yang tidak dinafikan bahawa ketika nilai saham di bursa menurun, kadar gula pada air kencing dan tekanan darah para pemain semakin naik.” Manakala sabda Rasulullah SAW pula seperti “ Wahai manusia ! Orang kaya bukanlah orang yang banyak harta, melainkan orang yang kaya hati. Sesungguhnya Allah akan memberikan rezeki hambaNya sesuai dengan yang telah ditetapkan baginya.Untuk itu perbaikilah cara mencari rezeki. Ambillah yang halal dan tinggalkan yang haram”Ungkapan ini dimuatkan dalam tajuk rakus mengakibatkan kegelisahan.

Wahyu sebagai asas pandangan alam Islam turut dimuatkan pada tajuk seterusnya. Konsep dan peranan wahyu kelahiran manusia ke dunia adalah dalam suatu keadaan yang amat kerdil dan tidak mempunyai apa-apa daya akal fikiran melainkan hanya bersedia menerima kebaikan atau keburukan yang ada di bumi. Setiap manusia diciptakan mempunyai asas pandangan yang tersendiri dalam berfikir. Fikiran manusia akan berbeza antara satu dengan yang lain dalam menilai dan melihat sesuatu perkara. Inilah yang diertikan dengan hak kebebasan berfikir. Allah berikan hak kebebasan berfikir kepada manusia dalam mentadbir urusan dunia dan kehidupan dengan akal yang sempurna. Lantaran itu, Allah mengutuskan wahyu (Al-Quran) untuk manusia melalui nabi Muhammad SAW untuk dijadikan pegangan utama kepada manusia dalam mentadbir perihal dunia dan kehidupan agar manusia merasai adanya garisan keterbatasan dalam hak kebebasan berfikir yang dikurniakan.

Hakikatnya, pemakaian akal dalam Islam memang tidaklah diberi kebebasan mutlak sehingga pemikir Islam dapat melanggar garis-garis yang telah ditentukan al-Quran serta Al-Hadis, tetapi tidak pula diikat dengan ketat, sehingga pemikiran dalam Islam tidak dapat berkembang (Hutasuhut, 2017). Islam menyiapkan petunjuk jalan (wahyu) bagi manusia menuju kebenaran dan kesempurnaan yang hanya boleh diketahui melalui akal dan hati mereka (Al-Ghazali, 2015). Manusia yang mempunyai akal yang sempurna pasti akan merasai keperluan terhadap sebuah petunjuk dalam mencapai hikmat dan kebenaran. Lantaran itu, Allah membicarakan segala hal kehidupan manusia dari sudut semua aspek di dalam wahyu itu agar manusia tidak sesat dan mempunyai hala-tuju seperti yang terdapat dalam surah An-Nisa' 4:176.

Hakikatnya, Allah mengutuskan wahyu kepada manusia kerana Dia tidak mahu hamba-hambaNya melakukan perbuatan tercela semata-mata kerana perbuatan tercela itu dapat merosakkan akal, menjatuhkan kehormatan, dan mendorong tersebarnya kezaliman dalam kehidupan hingga menyebabkan banyak perasaan dan fikiran berada dalam kegelapan dan kebingungan tanpa arah. Hal ini kerana hidup tanpa aturan dan pegangan sehingga menyebabkan bahaya mengancam bukanlah jalan hidup yang benar bagi seorang muslim (Al-Ghazali, 2015).

Walau bagaimanapun, keimanan kepada wahyu Allah menuntut seseorang untuk mengetahui batasan terhadap segala perkara yang dilakukan berlandaskan wahyu ilahi. Hal ini kerana iman akan memberi arahan kepada akal manusia untuk mengerjakan apa yang patut dikerjakan dan meninggalkan apa yang patut ditinggalkan. Menurut Harun Nasution, pemakaian akal yang ada dalam diri manusia inilah yang membuat manusia menjadi khalifah di bumi. Satu analogi mudah untuk kita fahami perkara ini adalah, "orang yang memilih jalan zina berbanding nikah akan ditimpah penderitaan dan kesulitan dengan lahirnya anak luar nikah, dipandang hina oleh masyarakat dan sebagainya. Penderitaan yang mereka terima melebihi dari nilai nikmat yang mereka perolehi saat melakukan perbuatan itu sepertimana yang tertera dalam Surah Thaha 20:123-124."

Menjadi lumrah kehidupan setiap insan pasti akan melakukan kesalahan. Mereka tidak dituntut untuk bebas dari melakukan kesalahan. Bebas dan suci dari kesalahan bukanlah tabiat manusia dan manusia akan berduakacita ketika menyedari akan kesalahan yang dilakukan. Justeru itu, hal yang terbaik adalah membebaskan diri dari semua yang telah terjadi dan tidak membiarkan diri terus tenggelam dalam gelombang kegelapan (Carnegie, 1948). Wahyu dan pembangunan ilmu

Al-quran merupakan sumber utama dalam pembangunan tamadun Islam. Di saat revolusi sains mula berkembang, Al-quran dan As-sunnah menjadi sumber yang padat untuk dijadikan rujukan. Ia merupakan sumber utama inspirasi pandangan muslim tentang kesepadan sains dan pengetahuan intelektual (Al-Attas, 1978).

Al-Quran terus mengajak manusia untuk menggunakan akal fikiran dan mata hati untuk berfikir serta merenung segala kejadian alam seperti yang terdapat dalam Surah Ali-Imran 3:190. Kajian sains abad ini telah menerangkan bagaimana proses kejadian manusia berlaku bermula dengan melalui tiga tahap utama iaitu Pre-Embrionik, Embrionik dan Fetus. Hakikatnya, proses kejadian manusia ini telah diceritakan Allah di dalam wahyu sejak sebelum wujudnya para pengkaji ilmu sains di dunia ini malahan Allah telah menceritakannya dengan lebih terperinci dan jelas sesuai dengan tahap kemampuan manusia berfikir.

Sementara hubungan antara ilmu dan akal telah diberikan tarikan yang menarik oleh Imam al-Ghazali apabila beliau menyatakan bahawa perumpamaan akal dengan ilmu adalah seperti buah yang terbit dari pohon atau seperti sinar yang muncul dari mentari atau seperti penglihatan yang berhasil dari mata. Justeru keutamaan akal, jelas Imam Ghazali, tidak perlu dihujahkan lagi kerana ia memang sudah menjadi sumber kepada sesuatu yang mulia. Perkataan yang mempunyai kata dasar “*aql*” sendiri disebut di dalam al-Quran sebanyak 49 kali, 48 darinya disebut dalam bentuk kata kerja (*fi’il*). Sebahagian besar darinya pula mengandungi makna penekanan terhadap penggunaan akal yang betul termasuk 13 kali sebutannya dalam bentuk *al-istifham al-inkari* (pertanyaan negatif) seperti frasa "Apakah kamu tidak menggunakan akal? *أَفَلَا تَعْقِلُونَ*". Allah memberikan kebebasan berfikir kepada manusia tetapi manusia perlu tahu bahawa Allah telah meletakkan garis panduan iaitu Al Quran. Kewujudan wahyu adalah untuk manusia berfikir dengan cara dan garis panduan yang betul iaitu mengetahui tujuan berfikir dan kemampuan batasan akal. Oleh itu, kelemahan akal dapat diatasi dengan mudah. Akal tanpa wahyu akan menyebabkan seseorang itu berfikir luar daripada kemampuan manusia itu sendiri. Wahyu berperanan dalam membimbing akal supaya fikiran itu lebih terkawal. Akal yang dikurniakan berguna dalam usaha manusia untuk memahami, mengetahui dan mempelajar sesuatu perkara.

Hasil usaha pemahaman seseorang itu akal dapat membezakan antara hak dan batil, mempertingkatkan amal dan iman serta berfikir tentang kejadian alam dan tanda-tanda kekuasaan Allah. Al-Qur'an merupakan sumber utama perundangan Islam. Keaslian yang ada pada al-Qur'an tetap terjamin. Oleh kerana syariah Islam bersumberkan al-Qur'an, maka dengan sendiri syariah Islam merupakan syariah yang terbaik, bahkan yang dipilih oleh Allah S.W.T. Al-Qur'an masih sesuai digunakan sebagai panduan dan rujukan untuk kehidupan semasa kerana isi kandungannya yang lengkap merangkumi pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi, undang-undang, sejarah dan sains.

Al-Sunnah ialah segala yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. sama ada perkataan (*qawl*), perbuatan (*fi’il*), pengakuan (*taqrir*), sifat kejadian dan riwayat hidup baginda, sebelum dan sesudah baginda dilantik menjadi Rasul. Al-Sunnah diriwayatkan daripada para sahabat, tabi'in dan seterusnya sehingga ditulis oleh para ulamak pengumpul hadis. Al-Sunnah juga merupakan wahyu daripada Allah S.W.T. Perbezaan antara wahyu al-Qur'an dan wahyu al-Sunnah ialah al-

Qur'an diwahyukan oleh Allah S.W.T. secara menyeluruh meliputi lafaz dan maknanya, manakala al-Sunnah pula diwahyukan oleh Allah dalam bentuk maknanya sahaja, dan lafaznya datang daripada Rasulullah S.A.W. Walaupun wahyu al-Qur'an sudah lengkap dan sempurna, namun manusia masih memerlukan al-Sunnah sebagai panduan hidup mereka. Ini kerana al-Sunnah memainkan beberapa peranan penting dalam menjelaskan Al-Quran. Perbahasan tentang falsafah Islam biasanya berkisar kepada masalah asas dalam epistemologi iaitu sumber wahyu dan akal. Sejak dulu hingga sekarang persoalan-persoalan tentang dua sumber inilah yang terus menerus diperdebatkan sehingga timbul beberapa aliran dan mazhab dalam pemikiran Islam. Namun perkembangan falsafah Islam menjadi semakin matang dan meluas.

Secara umumnya, buku penulisan Muhammad Al-Ghazali ini menggunakan method dakwah dengan hikmah. Justeru, Jaddid Hayatak cuba untuk membawa masyarakat yang tidak mengenal Islam untuk mengenal Islam. Membawa sebuah kehidupan kegelapan ke sebuah cahaya kerana ini adalah fitrah manusia, yang memerlukan kepada cahaya. Ayuh kita perbaharui hidup kita, hari ini! Pengajaran berdasarkan buku Jayyid Hayatak: Perbaharui Hidupmu karya terbaik Syeikh Muhammad al- Ghazali banyak ilmu yang diperolehi. Antara perkara menarik yang dapat kami kongsikan ialah wahyu yang membawa kebenaran kepada manusia khususnya umat Islam disampaikan kepada rasul yang terakhir iaitu Nabi Muhammad S.A.W melalui perantaraan Malaikat Jibrail. Allah telah menurunkan wahyu yang pertama iaitu Al Quran kepada umat Nabi Muhammad S.A.W. Ini adalah peranan wahyu Allah sebagai panduan atau dorongan manusia untuk melakukan sesuatu perkara merujuk kepada Al-Quran Al-Karim. Apabila kita sentiasa berpandukan kepada Al-Quran, keberkatan akan menyusul selepas kita mengamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

Selain itu, dirumuskan juga apa Syeikh Muhammad Al Ghazali cuba jelaskan perkaitan antara akal dan wahyu. Manusia sentiasa diberikan hak untuk berfikir sama ada baik atau buruk tetapi Syeikh Muhammad Al Ghazali mengingatkan bahawa Islam meletakkan kayu ukur atau batasan pemikiran manusia dengan wujudnya wahyu Allah yang paling Agung iaitu Al Quran. Al Quran cukup jelas memperlihatkan sekiranya seseorang itu membincangkan tentang agama tanpa wahyu nescaya ia akan bertentangan dengan agama dan besar kemungkinan seseorang itu akan berada dalam kesesatan. Hidup kita sebagai manusia dibendung oleh fikiran kita sendiri. Merujuk kepada hasil kajian buku, akal fikiran memainkan peranan dalam membentuk sahsiah dan keperibadian seseorang. Ini kerana Allah mengurniakan akal kepada manusia supaya melakukan beribadat kepada-Nya dan meninggalkan segala larangan Nya, mentadbir alam dan lain-lain.

Penciptaan akal bukanlah perkara yang sia-sia kerana manusia dikurniakan akal untuk membezakan kita daripada makhluk yang lain. Seterusnya, karya Syeikh Muhammad Al Ghazali juga memberi gambaran kepada manusia di mana kebanyakan daripada mereka yang menimba ilmu dengan murabbi, mudarris dan ulama' ibarat menatang minyak yang penuh tetapi pada masa yang sama mereka tidak mengamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Perkara ini turut membimbangkan generasi akan datang yang mana mereka hanya belajar kerana ingin mendapatkan sesuatu. Bab ilmu membawa amal memberi iktibar yang bermakna hasil daripada penelitian buku ini. Ilmu pengetahuan berperanan dalam membimbing manusia ke jalan kebaikan dan merupakan sebahagian daripada cahaya yang menerangi kehidupan setiap

manusia. Manusia perlu ingat ilmu pengetahuan ini terhasil daripada wahyu. Kemudian daripada pentafsiran itu lalu menjadi satu ilmu pengetahuan.

Kesimpulan daripada kitab Jaddid Hayatak Perbaharui Hidup karya Syeikh Imam Muhammad Al Ghazali yang kami perolehi ialah wahyu, akal dan ilmu yang menjadi sandaran yang begitu penting dalam kehidupan setiap manusia. Ini kerana ketiga-tiga elemen ini sangat penting sekiranya kita ingin perbaharui kehidupan ke arah yang lebih baik. Justeru, setiap manusia seharusnya menitikberatkan apa yang syeikh Imam Muhammad Al Ghazali cuba sampaikan dan ambil iktibar daripadanya.

**Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin**

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,  
Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.